

Bidang kepakaran di setiap sekolah UMS

KOTA KINABALU: “Ini bagi membolehkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini giat mengketengahkan proses pendidikan yang berkualiti yang antara lain memastikan setiap sekolah, institut dan pusat di universiti itu memiliki bidang kepakaran penyelidikan yang tersendiri.

Naib Canselor UMS, Tan Sri Prof Dr Abu Hassan Othman berkata bagi maksud itu, UMS telah menubuhkan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan Universiti bagi memantapkan pengurusan dan penyelarasan kegiatan penyelidikan dan persidangan.

UMS memberi impak yang lebih mantap dalam bidang berkenaan,” katanya pada majlis amanat tahunan universiti itu hari ini.

Beliau berkata penyelidikan dan pembangunan (R&D) merupakan teras kecemerlangan sesebuah universiti dan ini terbukti apabila setiap universiti mempunyai pusat atau jabatan R&D masing-masing.

UMS turut menumpukan perhatian kepada kecemerlangan tenaga akademik, mahasiswa dan pengurusan sumber manusia dalam usahanya melaksanakan pendidikan universiti yang berkualiti.

“Seseorang ahli akademia perlu mempunyai minat mendalam terhadap kerja, bersikap prihatin terhadap keperluan pelajar, meningkatkan ilmu secara berterusan, menjalankan penyelidikan, mampu berfikiran positif dan profesional serta melakukan penambahbaikan terhadap kualiti pembelajaran dan pengajaran,” kata beliau.

Dr Abu Hassan berkata Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS pula akan terus melakukan kegiatan ke arah kecemerlangan pelajar dan meningkatkan daya saing mereka di peringkat nasional dan antarabangsa.

UMS, yang memasuki tahun kesembilan penubuhannya, kini mempunyai hampir 8,000 pelajar termasuk di Kampus Antarabangsa Labuan.

Dari segi pembangunan fizikal, fasa pertama kampus universiti itu yang berharga RM1.4 bilion kini siap sepenuhnya.

Fasa kedua pula sedang giat dibangunkan membabitkan antara lain, pembinaan stadium tertutup, perumahan pelajar, stor pusat dan empat bangunan akademik termasuk bangunan Sekolah Perubatan yang mula mengambil pelajar pada sesi 2003/2004 ini.—Bernama